

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN** : **BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [ Sibuti ]**

**SOALAN NO. 241**

PR-1422-T01800

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [ Sibuti ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan status penyediaan perkhidmatan UNIFI jalur lebar berkelajuan tinggi bagi kawasan Taman Tunku dan Taman Jelita serta jaminan garis masa (*timeline*) Kementerian untuk memastikan kawasan tersebut dapat memulakan perkhidmatan jalur lebar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Telekom Malaysia Berhad (TM) kini sedang di dalam proses untuk memperluaskan liputan jalur lebar berkelajuan tingginya (HSBB) di negeri Sarawak secara berperingkat-peringkat termasuklah di kawasan Taman Tunku dan Taman Jelita. Penaiktarafan infrastruktur ini merupakan sebahagian daripada senarai projek dalam perancangan tahun bagi 2019 dan tahun 2020.
2. Pada masa ini, terdapat 9,436 sambungan internet (port) jalur lebar TM telah disediakan di Ibusawat Taman Tunku. Daripada jumlah itu, 6,324 adalah bagi perkhidmatan Streamyx dan baki 3,112 adalah bagi perkhidmatan UniFi. Pihak TM juga sedang berusaha untuk mempromosi pertukaran pakej daripada perkhidmatan Streamyx kepada perkhidmatan Unifi kepada pelanggan sediaada dan juga kepada pelanggan baru.
3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi menampung permintaan yang kian meningkat, pihak TM telah menaiktaraf kapasiti sedia ada serta memperluaskan kawasan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi ( UniFi) serta akan sentiasa memastikan kapasiti port jalur lebar adalah mencukupi bagi kawasan terbabit.

4. Disamping itu juga, pihak TM telah merancang pelaksanaan projek bagi tahun ini sehingga tahun 2020. Perancangan ini melibatkan pemasangan tambahan sambungan internet bagi perkhidmatan UniFi sebanyak 2,237 termasuk di Taman Jelita. Ini adalah peningkatan 72 peratus daripada jumlah kapasiti sambungan internet sedia ada.